



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN AHAD, 30 MAC 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



30/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	JKM CARI IBU BAPA, WARIS BAYI LELAKI DITINGGAL DI HOSPITAL SWASTA		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1202230/jkm-cari-ibu-bapa-waris-bayi-lelaki-ditinggal-di-hospital-swasta	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1378323/jkm-kota-bharu-kesan-ibu-bapa-waris-bayi-lelaki	BHARIAN.COM.MY	
	https://selangorkini.my/2025/03/jkm-kesan-waris-bayi-lelaki-ditinggalkan-di-hospital-swasta/	SELANGORKINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	BAWA LAKSANA HAMPIR 50 PROGRAM BANTUAN, KEBAJIKAN UNTUK GOLONGAN MEMERLUKAN		POSITIF
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2407581	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	PERKUKUH KESELAMATAN DALAM TALIAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/pilihan-utusan/2025/03/perkukuh-keselamatan-dalam-talian-tanggungjawab-bersama/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	JOHOR HIGHLIGHTS CANCER AWARENESS		POSITIF
	https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2025/03/29/johor-highlights-cancer-awareness	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



30/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	SUDAHLAH KERAP DIBUANG KERJA, IBU TUNGGAL MENGHIDAP PELBAGAI PENYAKIT TURUT PERLU JAGA ANAK AUTISM		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1202376/sudahlah-kerap-dibuang-kerja-ibu-tunggal-menghidap-pelbagai-penyakit-turut	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	TAKUT DIMARAHI TEMAN LELAKI, WANITA BUAT LAPORAN POLIS PALSU		NEGATIF
	https://malaysiagazette.com/2025/03/29/takut-dimarahi-teman-lelaki-wanita-buat-laporan-polis-palsu/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	OPERASI SAR CARİ KANAK-KANAK AUTISTIK DITERUSKAN		NEUTRAL
	https://www.buletintv3.my/nasional/operasi-sar-cari-kanak-kanak-autistik-diteruskan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1378391/sar-cari-budak-autisme-hilang-di-baling-disambung-hari-ini	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/720316/berita/semasa/sar-cari-budak-autisme-hilang-diteruskan#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/pencarian-kanak-kanak-autism-hilang-diteruskan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://lobakmerah.com/kanak-kanak-autisme-hilang-di-baling-operasi-pencarian-hari-kedua-diteruskan/	LOBAKMERAH.COM	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/budak-autistik-hilang-tiada-persiapan-aidilfitri-hanya-doa-untuk-fayyad	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/720316/berita/semasa/fayyad-affan-masih-belum-ditemui-operasi-sar-diteruskan	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/29/tiada-petunjuk-sar-kesan-budak-autisme-tanggung/	FREEMALYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



30/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	WANITA CEDERA SELEPAS BERTENGKAR DENGAN SUAMI		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1202228/wanita-cedera-selepas-bertengkar-dengan-suami	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/03/29/bertengkar-dengan-suami-suri-rumah-terjatuh-dari-tingkat-4/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/suri-rumah-terjatuh-pangsapuri-suami-direman/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/bertengkar-dengan-suami-wanita-cedera-jatuh-dari-tingkat-empat/	BULETINTV3.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/29/isteri-parah-terjun-pangsapuri-lepas-bertengkar-suami-direman/	FREEMALAYSATODAY.COM	
	https://wartaoriental.com/2025/03/29/suri-rumah-parah-terjatuh-pangsapuri-selepas-bertengkar/	WARTAORIENTAL.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM cari ibu bapa, waris bayi lelaki ditinggal di hospital swasta

Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my



Bayi lelaki yang ditinggalkan di Baby Hatch sebuah hospital swasta, di sini, pada 28 Februari lalu. IHSAN JKM Kota Bharu

Kota Bharu: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Jajahan Kota Bharu sedang mengesan ibu bapa atau waris seorang bayi lelaki yang ditinggalkan di Baby Hatch sebuah hospital swasta, di sini, pada 28 Februari lalu.

Pegawai Pembangunan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak Jajahan Kota Bharu, Nurul Afeera Azwa Mohamad, berkata bayi berkenaan ditinggalkan tanpa sebarang dokumen selain dipercayai baru dilahirkan kerana masih bertali pusat.

"Pihak bertanggungjawab membawa bayi terbabit ke Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II, untuk mendapatkan rawatan.

"Bagaimana pun, kini bayi berkenaan berada di Rumah Kanak-Kanak di bawah perintah jagaan sementara sebagaimana peruntukan seksyen 25 (2) Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016).

"Waris diminta tampil atau menghubungi Pelindung Kanak-Kanak, Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan Kota Bharu di talian 013-9678552 atau 09-7422034," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Katanya, pemeriksaan mendapati bayi berkenaan cukup sifat dengan berambut hitam, berkulit cerah dan tidak mengalami kecederaan trauma atau komplikasi yang kronik.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



BAWA Laksana Hampir 50 Program Bantuan, Kebajikan Untuk Golongan Memerlukan

© 29/03/2025 06:30 PM



Setiasaha Kerajaan Negeri Melaka Datuk Azhar Arshad (dua, kanan) dan Presiden Badan Amal Warga Asnaf (BAWA) Malaysia yang juga Yang Dipertua BAWA Negeri Melaka Datuk Amilludin Latip (kanan) menyampaiakan sumbangan kepada penerima bantuan pada Program Jelajah Ramadan 2025 anjuran BAWA Negeri Melaka. --fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

ALOR GAJAH, 29 Mac (Bernama) -- Badan Amal Warga Asnaf (BAWA) Malaysia telah melaksanakan hampir 50 program bantuan dan kebajikan untuk golongan memerlukan di seluruh negara dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Presidennya Datuk Amilludin Latip berkata daripada jumlah itu, 17 program telah dilaksanakan di Melaka termasuk Program Jelajah Ramadan 2025 bagi memastikan golongan asnaf tidak tercicir atau dipinggirkan dalam menyambut Aidilfitri.

Beliau yang juga Yang Dipertua BAWA Negeri Melaka, berkata bantuan disalurkan BAWA tidak hanya tertumpu pada sumbangan makanan, sebaliknya meliputi pelbagai bentuk termasuk membersihkan rumah golongan memerlukan untuk memastikan keselesaan penghuninya.

"Setakat ini, BAWA telah ditubuhkan di Melaka, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang. Melaka merupakan antara negeri yang aktif menganjurkan misi atau program bantuan serta sumbangan kepada golongan memerlukan.

"Buat sementara waktu ini, kita tidak bercadang untuk memperluaskan penubuhan BAWA di lain-lain negeri ekoran kekangan kewangan kerana kita tidak dibantu pihak tertentu atau geran daripada kerajaan, sebaliknya program amal yang dilaksanakan adalah melalui sumbangan orang luar," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas Program Jelajah Ramadan 2025 melibatkan penyampaian bantuan kotak makanan mengandungi barangan asas kepada 70 penerima selain wang tunai yang disempurnakan Setiasaha Kerajaan Negeri Melaka Datuk Azhar Arshad.

Mengulas lanjut, Amilludin berkata BAWA mengalu-alukan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat atau majlis agama Islam di setiap negeri dalam usaha menggerakkan lebih banyak misi kebajikan atau program bantuan untuk golongan asnaf.

"Badan amal ini ditubuhkan sejak 10 tahun lepas untuk menyantuni, khususnya golongan asnaf manakala di peringkat negeri ia ditubuhkan secara berperingkat. Sebagai contoh, BAWA Melaka telah ditubuhkan hampir tiga setengah tahun.

"Bantuan yang digerakkan BAWA tidak hanya tertumpu pada Ramadan sahaja tetapi sepanjang tahun dan kita konsisten untuk membantu mana-mana pihak yang memerlukan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Perkukuh keselamatan dalam talian tanggungjawab bersama



Usaha perkukuh perlindungan dalam talian khususnya terhadap kanak-kanak, penipuan siber serta penyebaran kandungan memudaratkan, adalah antara keutamaan MCMC.

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM 29 Mac 2025, 8:00 am

LANDSKAP keselamatan dalam talian tertumpu kepada aspek melindungi pengguna dalam berhadapan dengan pelbagai ancaman yang memberi kesan kepada masyarakat. Usaha memperkukuh perlindungan dalam talian, khususnya terhadap kanak-kanak, penipuan siber, serta penyebaran kandungan memudaratkan, adalah antara keutamaan kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Keselamatan kanak-kanak dalam talian merupakan aspek kritikal yang diberi tumpuan, terutama dalam menangani isu eksploitasi seksual dan pengantunan kanak-kanak. Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan, sebanyak 2,240 kes penderaan seksual kanak-kanak telah direkodkan di seluruh negara bagi tempoh antara Januari hingga Ogos 2024.

Lebih menggerunkan, seramai 13 individu telah ditahan serta lebih 40,000 Bahan Penderaan Seksual Kanak-Kanak (CSAM) dalam satu operasi bersepadu MCMC dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) iaitu Ops Peda pada akhir Disember 2024 lalu.



Zurkarnain Mohd Yasin

Menurut Timbalan Pengarah Urusan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Datuk Zurkarnain Mohd Yasin, dalam usaha menangani isu ini, penyedia platform digital perlu bertanggungjawab dalam memastikan kandungan yang dipaparkan selamat bagi pengguna khususnya generasi muda. Namun,

cabaran utama adalah untuk mengenal pasti dan membendung akaun yang beroperasi secara tersembunyi, termasuk menggunakan teknologi bot untuk menyebarkan kandungan berbahaya.

Selain itu, isu penipuan siber juga semakin membimbangkan dengan kerugian akibat pelbagai skema penipuan terus meningkat. Berdasarkan statistik PDRM, sebanyak 35,368 kes jenayah siber direkodkan pada tahun 2024, melibatkan kerugian melebihi RM1.5 bilion. Penipuan dalam talian kini tidak lagi terhad kepada penipuan cinta melibatkan pemindahan wang kepada individu yang berpura-pura memerlukan bantuan.

Sebaliknya, ia berkembang kepada bentuk hibrid yang lebih canggih, termasuk penipuan pelaburan menggunakan mata wang kripto. Modus operandi scammer kini lebih sukar dikesan kerana mereka mencipta bukti transaksi palsu untuk meyakinkan mangsa, terutama menerusi platform media sosial dan aplikasi pemesejan seperti Telegram dan WhatsApp.

"Sikap segelintir rakyat Malaysia yang terlalu mudah percaya dan mahu mendapatkan keuntungan segera menyebabkan mereka lebih terdedah kepada taktik licik scammer. Kepercayaan secara membuta tuli terhadap janji pulangan tinggi dalam masa singkat sering menjadi punca utama ramai menjadi mangsa," kata Zurkarnain ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Selain penipuan siber, MCMC turut memberi tumpuan kepada kandungan dalam talian yang menyentuh elemen 3R iaitu Kaum, Agama dan institusi diraja serta penyebaran berita palsu.

Setakat minggu pertama Januari 2025, MCMC telah menerima 4,699 permohonan untuk menurunkan kandungan memudaratkan, dengan 72 peratus daripadanya berkaitan dengan aktiviti perjudian dalam talian. Walaupun platform media sosial memiliki sistem kecerdasan buatan (AI) untuk menapis kandungan, terdapat kelemahan dalam mengenal pasti maklumat yang melanggar undang-undang Malaysia. Oleh itu, tindakan pengawasan lebih ketat perlu dilaksanakan.

Zurkarnain turut memaklumkan, terdapat akaun-akaun yang dibuka menggunakan alamat e-mel palsu dan tidak memerlukan pengesahan identiti kukuh. Keadaan ini menyebabkan kesukaran untuk mengenal pasti pemilik sebenar akaun media sosial berkenaan. Begitu juga dengan sikap kebanyakan rakyat di negara ini yang masih tidak mengambil serius akan amaran mengenai ancaman dalam talian sehingga mereka terjerat ke dalam kancang penipuan.

Bagi meningkatkan tahap pematuhan penyedia perkhidmatan dalam talian, MCMC mengambil pendekatan kawal selia ke atas penyedia perkhidmatan pesanan Internet dan penyedia perkhidmatan media sosial menerusi keperluan pelesenan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

Tindakan ini bertujuan mewujudkan persekitaran dalam talian yang lebih selamat untuk semua rakyat Malaysia, terutamanya bagi kanak-kanak dan golongan rentan yang berisiko tinggi terhadap ancaman dalam talian. Ia selaras dengan amalan terbaik dan penanda aras global seperti yang diamalkan di Singapura, Indonesia, India, Australia, United Kingdom (UK), Ireland, Jerman, dan Kesatuan Eropah (EU).

Setakat ini, hanya tiga penyedia perkhidmatan utama yang telah berdaftar iaitu WeChat, TikTok dan Telegram berkuat kuasa 1 Januari 2025. Bagi menyokong kerangka kawal selia ini, MCMC membangunkan Kod Tatalaku (Amalan Terbaik) bagi Penyedia Perkhidmatan Pesanan Internet dan Media Sosial sebagai panduan termasuk pemantauan kandungan yang lebih ketat, piawaian tadbir urus yang jelas serta pematuhan terhadap undang-undang Malaysia.

Dalam mengukuhkan kawal selia ini, kerajaan juga mewujudkan Akta Keselamatan Dalam Talian 2024 yang memberi penegasan kepada penyedia platform media sosial bahawa untuk beroperasi di Malaysia, mereka mempunyai kewajipan menjaga keselamatan terutamanya membabitkan kanak-kanak, di samping tidak membenarkan scammer dan kegiatan judi dalam talian beroperasi di platform mereka.

Perlu diketahui, keperluan pelesenan ini dan Akta Keselamatan Dalam Talian 2024 bukannya untuk menyekat kebebasan bersuara, tetapi untuk mengawal selia ruang siber dengan lebih baik dan memberantas jenayah siber demi memastikan rakyat dapat berinteraksi dalam persekitaran digital yang lebih selamat dan teratur.

Bagi menangani ancaman keselamatan dalam talian secara lebih menyeluruh, kerajaan menerusi MCMC telah melancarkan Jelajah Kempen Keselamatan Dalam Talian pada 21 Januari lalu di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Kempen berkenaan akan diteruskan sepanjang tahun ini bagi menyemai kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang pentingnya meningkatkan budaya keselamatan dalam talian di negara ini.

"Kempen ini akan merangkumi pelbagai segmen masyarakat dengan pendekatan berbeza mengikut tahap kesedaran masing-masing. Selepas Aidilfitri, kita akan memberi fokus lebih kepada kanak-kanak dengan membangunkan modul pendidikan khusus," kata Zurkarnain.

Hakikatnya, tanggungjawab untuk memastikan keselamatan siber tidak terletak di bahu kerajaan semata-mata. Masyarakat juga perlu lebih berwaspada dan mengamalkan sikap skeptikal terhadap sebarang tawaran atau maklumat dalam talian yang kelihatan mencurigakan. Kesedaran dan tindakan proaktif setiap individu adalah kunci utama dalam memastikan ruang dalam talian kekal selamat dan terjamin. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Johor highlights cancer awareness

By REMAR NORDIN



Khairin-Nisa (seated, centre) during the launch of WCaRe Johor 2025, in January, which will feature cancer screenings throughout the state.

JOHOR government has increased its commitment to women's health this year by allocating RM300,000 for breast and cervical cancer screening.

State women, family and community development committee chairman Khairin-Nisa Ismail said the initiative, under the WCaRe Johor 2025 programme, aimed to benefit 5,600 women across all 56 state constituencies.

"WCaRe, which stands for Women Cancer Reproductive Awareness, is a specialised programme designed to encourage early cancer detection among women.

"The programme includes two key screenings – the human papillomavirus (HPV) DNA test for early cervical cancer detection and subsidised mammogram registration for early breast cancer detection.

"Each constituency will receive RM2,000 to organise health screening programmes, with the target of screening 100 women per constituency."

Khairin-Nisa said the objective of the programme was to raise awareness among women in Johor about the importance of mammogram and cervical cancer screening.

"We would also like to encourage more women to undergo these tests and provide early referrals for those with abnormal results.

"In 2024, the state government allocated RM120,000 for similar screenings, benefitting 8,002 women."

Of the number, she said 141 women had abnormal mammogram results and 240 had abnormal HPV DNA test results.

"However, only 32 cases of breast cancer and eight cases of cervical cancer were confirmed," she said.

The number of women who had undergone both screenings, she said, increased by 23.82% in 2024 compared to 2023, while the number of abnormal HPV DNA test results surged by 83.21%.

Khairin-Nisa also said the government's sponsorship of registration and clinical examination fees played a key role in encouraging more women to get tested.

For 2025, the state aimed to conduct 2,200 mammogram tests and 3,400 HPV DNA tests.

Screenings will be available at KPJ Puteri Johor Baru, KPJ Bandar Dato Onn, KPJ Maharani Muar, KPJ Kluang, and Hospital Pantai Batu Pahat.

Additionally, seven Klinik Nur Sejahtera National Population and Family Development Board (LPPKN) clinics across the state would support HPV DNA testing.

Khairin-Nisa said early detection significantly improved treatment outcomes.

"The sooner women know their screening results, the faster follow-up action can be taken," she said.

The WCaRe Johor 2025 programme is being implemented in collaboration with LPPKN and Darul Ta'zim Family Development Foundation, with support from assemblymen to promote awareness at constituency level.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sudahlah kerap dibuang kerja, ibu tunggal menghidap pelbagai penyakit turut perlu jaga anak autism

Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi
am@hmetro.com.my



Taiping: Seorang wanita bersyukur kerana kesukaran hidup dilaluinya, termasuk menjaga anak autism, mendapat perhatian selepas dimasukkan dalam senarai penerima bantuan bulanan RM500 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Mahu dikenali sebagai Nor, 38, dia yang turut disahkan menghidap paru-paru berair serta kencing manis kronik, sukar memenuhi keperluan hariannya dan anak memandangkan tiada mempunyai pendapatan tetap.

Menurutnya, selepas berpisah dengan suami tiga tahun lalu, hidupnya terumbang-ambing dan kerap berpindah-randah.

"Sebelum ini, saya lakukan pelbagai kerja daripada jurujual sehinggalah pembantu di kedai makan.

"Namun semuanya tidak kekal lama kerana saya kerap mengambil cuti sakit selain perlu mengurus anak autism.

"Malah, baru-baru ini, saya turut diberhentikan kerja kerana isu sama selain sering sakit kaki," katanya ditemui, baru-baru ini.

Menurutnya, perkara itu menyukarkannya menjalani kehidupan dengan lebih baik kerana kekangan kewangan biarpun menerima bantuan JKJ.

Nor berkata, dia kini perlu mencari kerja selain pada masa sama, menjaga anaknya itu.

"Tak tahu nak kerja apa lagi sebab saya terpaksa bawa anak. Tak ada siapa nak jaga dia.

"Saya juga sering sakit dan turut mendapat rawatan bulanan di Hospital Taiping," katanya.

Sementara itu, wakil Pertubuhan Kebajikan Masyarakat Marhaen (PKMM), Md Zukry Ahmad @ Zainuddin berkata, pihaknya sedia membantu mana-mana individu yang berdepan masalah keluarga dan turut menyediakan kediaman sementara di Rumah Transit Rakan Jalanan Taiping jika diperlukan.

Orang ramai yang ingin membantu Nur boleh menghubungi Md Zukry di talian 05-2111 349.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Takut dimarahi teman lelaki, wanita buat laporan polis palsu

Oleh Mohd Zaini Samsu Hadi - 29 March 2025



KUALA LUMPUR – Gara-gara takut dimarahi teman lelaki, seorang wanita bertindak membuat laporan palsu kononya dia menjadi mangsa ragut dua individu.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, ACP Wan Azlan Wan Mamat berkata, wanita tempatan berusia 22 tahun itu bekerja sebagai kerani telah membuat laporan beg tangannya dirampas dari belakang oleh dua lelaki tidak dikenali yang menaiki motosikal jenis Honda EX5.

Katanya, wanita itu mendakwa, kejadian berlaku di Jalan Batu 14 berdekatan Tanah Perkuburan Islam Batu 14, Puchong, Selangor pukul 2.39 pagi, tadi.

“Bagaimanapun, siasatan mendapati kejadian ragut itu tidak berlaku.

“Menurut pengadu, dia membuat laporan polis palsu kerana kad pengenalan dan dokumen penting telah hilang dan pengadu takut dimarah oleh teman lelaki,” katanya menerusi hantaran ringkas di aplikasi Whatsapp, hari ini.

Wan Azlan berkata, kes disiasat di bawah seksyen 182 Kanun Keseksaan. – MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Operasi SAR cari kanak-kanak autistik diteruskan

© 29 Mac 2025, 11:57am



Oleh: Selwam Arjunan

BALING: Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) kanak-kanak lelaki empat tahun, Muhammad Fayyad Affan Mohamad Fakhri yang hilang sejak semalam dari rumahnya di Kampung Landak Paya, diteruskan jam 8 pagi hari ini.

Ketua Zon 3, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Penguasa Kanan Bomba (PgKB) I Rahimi Ali bagaimanapun berkata, tiada sebarang petunjuk positif ditemukan di lokasi pencarian mangsa setakat jam 10 pagi.

Tambahnya, operasi disertai 79 anggota terdiri daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Baling seramai 12 orang, Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) seramai enam orang dari BBP Sungai Petani.

"Operasi turut dibantu anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) serta penduduk kampung.

"Untuk operasi hari ini kita pecahkan kepada tiga sektor di bahagian sungai, dibantu pasukan Unit Anjing Pengesan (K-9) JBPM dengan tiga anggota serta dua ekor anjing.

"Untuk sektor pertama kita pecahkan kerja kepada carian di pesisir Sungai Kupang dan di dalam sungai oleh anggota PPDA," katanya ketika ditemui di lokasi pencarian, hari ini.

Rahimi berkata, radius pencarian dilakukan dari lokasi kira-kira 500 meter dari Pos Kawalan Bomba (PKB) Kampung Paya Landak ke Kuala Pegang.

Beliau berkata, untuk sektor kedua di bahagian atas jalan daratan iaitu di hutan dipecahkan kepada agensi penyelamat lain.

"Sektor ketiga di bahagian atas kelapa sawit dan cabaran yang kita hadapi adalah kita tidak mempunyai sebarang petunjuk untuk menjejak mangsa sama ada fokus pencarian tertumpu di darat atau sungai.

"Kedalaman sungai di Sungai Kupang ini lebih kurang satu meter namun kedalamannya tidak sekata, ada yang dalam hingga tiga meter dan 0.5 meter selain bergantung pada cuaca," katanya lagi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita cedera selepas bertengkar dengan suami

Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my



Melaka: Wanita cedera selepas terjatuh dari balkoni rumahnya di tingkat empat sebuah pangsapuri di Cheng dekat sini, selepas pertenggaran dengan suaminya, semalam.

Dalam kejadian kira-kira 8 pagi, mangsa berusia 35 tahun ditemui dalam keadaan terlentang di bawah pangsapuri itu oleh jirannya yang segera menghubungi polis.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, jiran mangsa menyatakan terdengar bunyi dentuman sebelum melihat mangsa terbaring di tingkat bawah pangsapuri.

Menurutnya, hasil siasatan awal mendapati ketika kejadian wanita itu berada di rumah bersama suaminya berusia 33 tahun.

"Berdasarkan rakaman percakapan, suaminya yang bekerja sebagai kelindan lori mengaku berlaku pertenggaran mulut dengan isterinya sebelum suri rumah terbabit jatuh.

"Pasangan ini berkahwin pada 2023 namun belum dikurniakan anak dan setakat ini polis sedang saksi bebas yang melihat kejadian," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, mangsa kini masih dirawat di ke Hospital Melaka dan siasatan lanjut sedang dilakukan mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan/18A Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.